

BAB **4** *Chapter*



TANAH/ALAM SEKITAR TERESTRIAL
LAND/TERRESTRIAL ENVIRONMENT

A. LATAR BELAKANG

A.1 Lokasi

Malaysia terletak di Asia Tenggara dan terdiri daripada dua kawasan yang dipisahkan oleh Laut China Selatan, iaitu Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak) yang terletak di dalam Kepulauan Borneo. Malaysia terletak berdekatan dengan garisan khatulistiwa di antara latitud 1° dan 7° utara dan longitud 100° dan 119° timur.

Topografi

Malaysia terbentuk daripada kawasan tanah tinggi, tanah pamah, dataran, lembangan sungai dan pinggir laut. Topografi Semenanjung Malaysia bercirikan banjaran gunung yang bermula dari selatan iaitu Negeri Sembilan hingga ke utara sempadan Malaysia-Thailand. Banjaran gunung yang terpanjang di Semenanjung Malaysia adalah Banjaran Titiwangsa yang panjangnya 480 km dengan ketinggian di antara 900 meter hingga 2,100 meter dari aras laut. Puncak tertinggi di Semenanjung Malaysia adalah Gunung Tahan pada ketinggian 2,187 meter yang terletak di Banjaran Tahan.

Topografi Sabah adalah gabungan kawasan bergunung-ganang, berpantai dan hutan hujan tropika. Di bahagian barat adalah bergunung-ganang dengan tiga gunung tertinggi di Malaysia, manakala di bahagian timur pula merupakan zon tanah rata, kawasan rendah berpayau dan delta. Banjaran Crocker memisahkan dataran pantai barat daripada sebahagian Sabah di selatan Gunung Kinabalu. Banjaran Crocker adalah banjaran terpanjang dan tertinggi di Malaysia, berada lebih daripada 300 meter dari aras laut dan mengunjur hingga 139,919 hektar di kawasan hutan yang padat.

Topografi Sarawak menunjukkan pesisirannya yang mendatar, bukit bukau sempit dan banjaran bergunung-ganang yang tinggi, mengunjur sepanjang negeri. Dua gunung yang tertinggi di Sarawak ialah Gunung Murud (2,425 meter) dan Gunung Mulu (2,371 meter). Gunung Mulu mempunyai sistem gua batu kapur semula jadi terbesar di dunia yang terdiri daripada Gua Angin, Gua Lang, Gua Rusa dan Gua Air Jernih.

A. BACKGROUND

A.1 Location

Malaysia is located in South East Asia and comprises two regions which are separated by the South China Sea, i.e. Peninsular Malaysia and East Malaysia (Sabah and Sarawak) which is located in the Borneo Islands. Malaysia lies between latitude 1° and 7° north of the equator and longitude 100° and 119° east.

Topography

Malaysia is made up of highland, lowland, flatland, river basins and coastline. The topography of Peninsular Malaysia is characterised by the central mountain ranges which runs from the southern state of Negeri Sembilan to the northern at the Malaysia-Thailand border. The longest mountain range in Peninsular Malaysia is the Titiwangsa Range extending 480 km in length and 900 metres to 2,100 metres in height above sea level. The highest peak in Peninsular Malaysia is Mount Tahan at 2,187 metres, located on the Tahan Range.

The topography of Sabah is a mix of mountainous region, beaches and tropical rainforest. The western side is mostly mountainous with three of Malaysia's highest mountains while the eastern part are flat ground, low-lying swampy zones and deltas. The Crocker Range divides the western coastal plains from the rest of Sabah to the south of Mount Kinabalu. Crocker Range is the longest and also the highest mountain range in Malaysia, lying more than 300 metres above sea level and spreads over 139,919 hectares of densely forested terrain.

Sarawak's topography shows a flat coastal plain followed by a narrow belt of hills with a sharp rise of mountainous mass extending the full length of the state. The two highest peaks in Sarawak are Mount Murud (2,425 metres) and Mount Mulu (2,371 metres). Mount Mulu has the largest natural limestone cave system in the world comprising Wind Cave, Lang Cave, Deer Cave and Clearwater Cave.

Keluasan

Pada 2009, keluasan tanah di Malaysia adalah kekal pada 330,803 kilometer persegi (km²). Sarawak merupakan negeri terbesar merangkumi keluasan sebanyak 124,450 km² (37.62%), diikuti oleh Sabah 73,631 km² (22.26%). Bagi Semenanjung Malaysia, Pahang merupakan negeri terbesar yang meliputi keluasan 36,137 km² (10.92%) daripada keseluruhan keluasan tanah.

Area

In 2009, the total land area of Malaysia remained unchanged at 330,803 square kilometres (km²). Sarawak is the largest state covering an area of 124,450 km² (37.62%), followed by Sabah 73,631 km² (22.26%). As for Peninsular Malaysia, Pahang is the largest state accounting for 36,137 km² (10.92%) of the total land area.

Jadual 4.1: Jumlah keluasan tanah mengikut negeri, Malaysia, 2009

Table 4.1: Total land area by state, Malaysia, 2009

Negeri <i>State</i>	Keluasan (km ²) <i>Area</i>	Peratus <i>Per cent</i>
Malaysia	330,803	100.00
Johor	19,210	5.81
Kedah	9,500	2.87
Kelantan	15,099	4.56
Melaka	1,664	0.50
Negeri Sembilan	6,686	2.02
Pahang	36,137	10.92
Perak	21,035	6.36
Perlis	821	0.25
Pulau Pinang	1,048	0.32
Sabah	73,631	22.26
Sarawak	124,450	37.62
Selangor	8,104	2.45
Terengganu	13,035	3.94
W.P. Kuala Lumpur	243	0.07
W.P. Putrajaya	49	0.01
W.P. Labuan	91	0.03

Punca: Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Jabatan Tanah dan Ukur Sabah dan Jabatan Tanah dan Survei, Sarawak

Source: Department of Survey and Mapping Malaysia, Sabah Lands and Surveys Department and Land and Survey Department, Sarawak

A.2 Tanah bencah

Pengenalan

The Convention on Wetlands of International Importance (Ramsar) telah dirasmikan pada 1971 di Ramsar, Iran. Ramsar merupakan perjanjian di antara kerajaan-kerajaan yang menyediakan rangka kerja untuk tindakan nasional dan kerjasama antarabangsa bagi pemuliharaan dan penggunaan lestari tanah bencah dan sumber-sumbernya. Malaysia telah memperakui Konvensyen Ramsar pada 1994.

Definisi

Konvensyen Ramsar mendefinisikan tanah bencah sebagai “kawasan berpaya, rawa, tanah gambut atau berair sama ada secara semula jadi atau buatan, kekal atau sementara, dengan air yang statik, mengalir, segar, payau atau masin, termasuk kawasan air marin, dengan kedalamannya semasa air surut tidak melebihi enam meter”.

Jenis tanah bencah

Ekosistem tanah bencah memainkan peranan penting sebagai habitat dan nurseri kepada spesies tumbuhan dan haiwan, penghalang banjir dan mendapan, penapis pencemaran, pembekal oksigen dan sumber makanan utama hidupan serta sebagai kawasan rekreasi. Terdapat dua jenis tanah bencah di Malaysia iaitu tanah bencah semula jadi dan tanah bencah buatan. Tasik semula jadi, sungai, kuala, paya laut, hutan paya gambut dan delta adalah antara tanah bencah semula jadi. Empangan, sawah padi dan tasik buatan manusia adalah antara tanah bencah buatan.

Hutan paya gambut

Hutan paya gambut adalah jenis hutan tanah bencah terbesar di Malaysia. Ia merupakan ekosistem yang unik dan sangat bernilai sebagai sumber balak, penampungan banjir, recaj air bawah tanah dan sebagai pembekal air. Hutan paya gambut digambarkan dengan lapisan tebal gambut yang boleh mencapai sehingga 30 meter, kebanyakannya merupakan bahan tumbuhan separa mereput yang terkumpul sehingga ribuan tahun.

A.2 Wetlands

Introduction

The Convention on Wetlands of International Importance (Ramsar) was launched in 1971 in Ramsar, Iran. Ramsar is an inter-governmental treaty that provides the framework for national action and international cooperation for the conservation and wise use of wetlands and their resources. Malaysia had ratified the Ramsar Convention in 1994.

Definition

The Ramsar Convention defines wetlands as “areas of marshes, fen, peat land or water whether natural or artificial, permanent or temporary, with water that is static, flowing, fresh, brackish or salt, including areas of marine water, the depth of which at low tide does not exceed six metres”.

Type of wetlands

Wetlands ecosystem play an important role as a habitat and nursery for plant and animal species, protection from flooding and erosion, filter for pollution, oxygen supplier, major food resources for humans and animals as well as sites for recreation. There are two types of wetlands found in Malaysia namely natural wetlands and man-made wetlands. Natural lakes, rivers, estuaries, mangrove forests, peat swamp forests and deltas are among the natural wetlands. Reservoirs, paddy fields and man-made lakes are man-made wetlands.

Peat swamp forest

Peat swamp forest is the largest wetland forest type in Malaysia. It is a unique ecosystem and important as a timber resource, flood mitigation, groundwater recharge and for water supply. Peat swamp forests are characterised by a thick layer of peat which can reach up to 30 metres and composed of mainly semi-decayed plant material accumulated over thousands of years.

Hutan paya gambut sangat penting kerana ia menampung spesies tumbuh-tumbuhan endemik dan haiwan terancam. Ia juga merupakan habitat air tawar penting yang memerlukan perlindungan.

Peat swamp forest is extremely important because of the endemic plant species and the endangered animals they support. They are also regarded as significant freshwater habitats which need protection.

Jadual 4.2 dan **Carta 4.1** menunjukkan keluasan hutan paya gambut dari 2005 hingga 2009. Keluasan hutan paya gambut pada 2008 dan 2009 tidak berubah iaitu 1.3 juta hektar. Sarawak mempunyai keluasan paya gambut terbesar iaitu 907,884 hektar (**71.5%**), manakala Semenanjung Malaysia hanya meliputi 241,474 hektar (**19.0%**) dan Sabah 120,000 hektar (**9.5%**). Hanya empat negeri di Semenanjung Malaysia yang mempunyai maklumat keluasan hutan paya gambut iaitu Pahang, Johor, Selangor dan Terengganu, di mana Pahang mempunyai keluasan terbesar iaitu 140,830 hektar. **[Carta 4.2]**


Table 4.2** and **Chart 4.1** shows the hectareage of peat swamp forest from 2005 to 2009. Total areas of peat swamp forest in 2008 and 2009 remained at 1.3 million hectares. Sarawak has the largest area of peat swamp forest i.e. 907,884 hectares (71.5%) while Peninsular Malaysia covers only 241,474 hectares (19.0%) and Sabah 120,000 hectares (9.5%). Only four states in Peninsular Malaysia have hectareage information pertaining to peat swamp forest i.e. Pahang, Johor, Selangor and Terengganu among which Pahang has the largest area at 140,830 hectares. **[Chart 4.2]

Jadual 4.2: Keluasan hutan paya gambut mengikut negeri, Malaysia, 2005–2009
Table 4.2: Area of peat swamp forest by state, Malaysia, 2005–2009


Negeri <i>State</i>	2005	2006	2007	2008	Hektar <i>Hectares</i> 2009
Malaysia	1,174,460	1,186,691	1,265,045	1,269,358	1,269,358
Semenanjung Malaysia <i>Peninsular Malaysia</i>	185,860	198,091	237,745	241,474	241,474
Johor	4,272	5,429	5,429	5,429	5,429
Kedah	-	-	-	-	-
Kelantan	-	-	-	-	-
Melaka	-	-	-	-	-
Negeri Sembilan	-	-	-	-	-
Pahang	97,441	97,441	137,101	140,830	140,830
Perak	-	-	-	-	-
Perlis	-	-	-	-	-
Pulau Pinang	-	-	-	-	-
Selangor	75,762	81,464	81,458	81,458	81,458
Terengganu	8,385	13,757	13,757	13,757	13,757
W.P. Kuala Lumpur	-	-	-	-	-
W.P. Putrajaya	-	-	-	-	-
W.P. Labuan	-	-	-	-	-
Sabah	120,000	120,000	120,000	120,000	120,000^e
Sarawak	868,600	868,600	907,300	907,884 ^f	907,884

Punca: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak
Source: Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Forest Department Sarawak

Carta 4.1: Keluasan hutan paya gambut mengikut kawasan, Malaysia, 2005–2009
Chart 4.1: Area of peat swamp forest by region, Malaysia, 2005–2009



Carta 4.2: Taburan peratus keluasan hutan paya gambut mengikut kawasan, Malaysia, 2009
Chart 4.2: Percentage distribution of area of peat swamp forest by region, Malaysia, 2009



Hutan paya laut

Hutan paya laut merupakan ekosistem yang unik. Kebiasaannya, ia ditemui di sepanjang kawasan pantai terlindung dan tumbuh dengan subur di tanah masin dan air payau. Hutan paya laut memainkan peranan penting sebagai penampas ribut taufan. Ia juga menjadi habitat fizikal dan nurseri, juga sebagai rantaian makanan kepada organisma marin.

Jadual 4.3 menunjukkan keluasan kawasan hutan paya laut pada 2009. Keluasan kawasan hutan paya laut meningkat sebanyak **0.2 peratus** daripada 558,312 hektar pada 2008 kepada 559,288 hektar pada 2009.

Sabah mempunyai hutan paya laut terbesar meliputi 340,488 hektar (**61%**). Ini diikuti oleh Sarawak dengan keluasan 117,000 hektar (**21.0%**) dan Semenanjung Malaysia 101,800 hektar (**18.2%**). [**Carta 4.3**]

Di Semenanjung Malaysia, Perak mempunyai keluasan hutan paya laut terbesar meliputi 40,538 hektar (**39.8%**), diikuti oleh Johor 32,129 hektar (**31.5%**) dan Selangor 18,089 hektar (**17.8%**). Sementara itu, keluasan hutan paya laut di Johor telah meningkat sebanyak 976 hektar (**3.1%**) pada 2009 berbanding 2008. Walau bagaimanapun, tiada perubahan bagi tujuh negeri lain. [**Carta 4.4**]

Mangrove forest

Mangrove forest is a unique ecosystem. They are generally found along sheltered coasts where they grow abundantly in saline soil and brackish water. Mangrove forest plays an important role as storm buffers. They also provide physical habitat and nursery grounds as well as a food chain to marine organisms.

***Table 4.3** shows the area under mangrove forest in 2009. The area under mangrove forest has increased by **0.2 per cent** from 558,312 hectares in 2008 to 559,288 hectares in 2009.*

*Sabah has the largest mangrove forest which constituted 340,488 hectares (61%). This was followed by Sarawak with an area of 117,000 hectares (21.0%) and Peninsular Malaysia 101,800 hectares (18.2%). [**Chart 4.3**]*

*In Peninsular Malaysia, Perak has the largest mangrove forest area which constituted 40,538 hectares (39.8%), followed by Johor 32,129 hectares (31.5%) and Selangor 18,089 hectares (17.8%). Meanwhile, the mangrove forest area in Johor had increased by 976 hectares (3.1%) in 2009 compared to 2008. Nevertheless, there was no changes for the remaining seven states. [**Chart 4.4**]*


Jadual 4.3: Keluasan hutan paya laut mengikut negeri, Malaysia, 2005–2009
Table 4.3: Area of mangrove forest by state, Malaysia, 2005–2009

Hektar
Hectares


Negeri <i>State</i>	2005	2006	2007	2008	2009
Malaysia	560,203	557,731	560,946	558,312^f	559,288
Semenanjung Malaysia <i>Peninsular Malaysia</i>	102,514	100,042	103,257	100,824	101,800
Johor	31,887	33,846	33,036	31,153	32,129
Kedah	6,201	6,201	6,201	6,201	6,201
Kelantan	-	-	-	-	-
Melaka	80	80	92	92	92
Negeri Sembilan	-	-	-	-	-
Pahang	2,416	2,416	3,038	2,416	2,416
Perak	41,302	41,617	40,465	40,538	40,538
Perlis	-	-	-	-	-
Pulau Pinang	376	376	1,040	1,040	1,040
Selangor	18,957	14,211	18,089	18,089	18,089
Terengganu	1,295	1,295	1,295	1,295	1,295
W.P. Kuala Lumpur	-	-	-	-	-
W.P. Putrajaya	-	-	-	-	-
W.P. Labuan	-	-	-	-	-
Sabah	340,689	340,689	340,689	340,488 ^f	340,488
Sarawak	117,000	117,000	117,000	117,000	117,000

Punca: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak
Source: Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Forest Department Sarawak

Carta 4.3: Keluasan hutan paya laut mengikut kawasan, Malaysia, 2005–2009
Chart 4.3: Area of mangrove forest by region, Malaysia, 2005–2009



Carta 4.4: Taburan peratus keluasan hutan paya laut, Semenanjung Malaysia, 2009
Chart 4.4: Percentage distribution of area of mangrove forest, Peninsular Malaysia, 2009



A.3 Kepelbagaian biologi daratan

Megakepelbagaian

Konsep megakepelbagaian melibatkan anggaran jumlah bilangan semua organisma hidup di dalam ekosistem dan ini bermakna sesuatu kawasan itu mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus daripada spesies yang diketahui di dunia. Sebahagian besar daripada kepelbagaian tersebut adalah endemisme dan ini menggambarkan keunikan kawasan tersebut. *Global Diversity Outlook 2001* mengiktiraf Malaysia sebagai salah satu daripada 12 negara megakepelbagaian di dunia, manakala Sabah dan Sarawak telah disenaraikan sebagai kawasan utama bagi endemisme.

Kepelbagaian biologi

Kepelbagaian biologi bermaksud keragaman di antara organisma hidup daripada pelbagai sumber, termasuk daratan, marin serta ekosistem akuatik lain; ia termasuklah kepelbagaian di dalam peringkat genetik, spesies dan ekosistem. Definisi ini diadaptasi daripada *United Nations Convention on Biological Diversity*.

Flora dan fauna

Malaysia sememangnya kaya dengan flora dan dianggarkan terdapat sebanyak 17,631 spesies tumbuhan yang merangkumi 377 alga, 1,387 briofit, 1,600 paku pakis dan sekutunya, 61 gimnosperm, 4,180 monokot dan 10,026 dikot.

Bagi fauna pula, terdapat 480 spesies mamalia, 742 burung, 242 amfibia, 567 reptilia, 590 ikan air tawar, 1,967 kupu-kupu dan 1,037 kumbang daun.¹

Flora dan fauna daratan terdapat di pelbagai habitat dan ekosistem iaitu dari tanah rendah hingga ke puncak gunung yang tertinggi. Kebanyakan spesies ini adalah unik dan tidak ditemui di tempat lain di dunia.

A.3 Terrestrial biodiversity

Megadiversity

The concept of megadiversity involves an estimate of the total number of all the organisms in an ecosystem and is represented by an area that comprises at least 60 per cent of the world's known species. A major part of diversity is endemism as this reflects the uniqueness of an area. The 2001 Global Diversity Outlook recognized Malaysia as one of the 12 megadiversity countries in the world, while Sabah and Sarawak are listed as the main areas for endemism.

Biological diversity

Biological diversity means the variability among living organisms from all sources including terrestrial, marine and other aquatic ecosystems; this includes diversity at the genetic, species and ecosystem level. This definition is adopted by the United Nations Convention on Biological Diversity.

Flora and fauna

Malaysia is rich in flora and estimated to be made up of about 17,631 species of plants which consist of 377 of algae, 1,387 bryophyte, 1,600 species ferns and ferns allies, 61 gymnosperm, 4,180 monocots and 10,062 dicots.

As for fauna, there are about 480 mammals, 742 birds, 242 amphibians, 567 reptiles, 590 freshwater fish, 1,967 butterflies and 1,037 leaf beetles species.¹

The terrestrial flora and fauna are found in a range of habitats and ecosystems from the lowlands to the top of the highest mountains. Many of these are unique and are not found anywhere else in the world.

¹ Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
Forest Biodiversity Scientific Expedition, Forestry Department Peninsular Malaysia

B. KEADAAN

B.1 Keadaan alam sekitar daratan

Kawasan perlindungan/kawasan simpanan

Definisi kawasan perlindungan yang diadaptasi oleh *The International Union for Conservation of Nature (IUCN)* ditakrifkan sebagai “kawasan tanah dan/atau laut khususnya bagi perlindungan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi, yang berkaitan dengan sumber semula jadi dan diurus melalui perundangan ataupun cara-cara lain yang berkesan”.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) berperanan untuk menguruskan kawasan perlindungan bertaraf Taman Negara, Rezab Hidupan Liar dan kawasan tanah bencah Ramsar di Semenanjung Malaysia. Di Sabah, peranan tersebut dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Hidupan Liar dan Taman-Taman Sabah, manakala di Sarawak kepada *Sarawak Forestry Corporation*. Pengurusan kawasan perlindungan ini menekankan kepada perancangan dan pelaksanaan pelbagai aktiviti yang menyumbang kepada pemuliharaan jangka panjang. Pembangunan kawasan perlindungan dilaksanakan secara lestari agar mendatangkan manfaat kepada manusia dan membawa kesejahteraan kepada alam sekitar untuk generasi masa kini dan akan datang.

Jadual 4.4a hingga **4.4c** menunjukkan keluasan dan anggaran bilangan spesies yang terdapat di kawasan perlindungan yang digazet di Malaysia pada 2009. Kawasan perlindungan yang terbesar di Semenanjung Malaysia adalah Taman Negara dengan keluasan 431,453 hektar dan merupakan antara hutan hujan tropika yang tertua di dunia. Taman Negara ini merupakan cantuman tiga kawasan perlindungan iaitu Taman Negara Kelantan, Taman Negara Terengganu dan Taman Negara Pahang. Di antara tiga taman negara ini, Taman Negara Pahang merupakan kawasan terbesar dengan keluasan 248,121 hektar.

Taman Negara Banjaran Crocker di Sabah merupakan kawasan perlindungan yang terluas (139,919 hektar), sementara Santuari Hidupan Liar Lanjak Entimau (168,758 hektar) adalah kawasan perlindungan yang terbesar di Sarawak.

B. THE STATE

B.1 Status of the terrestrial environment

Protected areas/preserved areas

The International Union for Conservation of Nature (IUCN) has adopted the definition of protected area as “an area of land and/or sea especially dedicated to the protection and maintenance of biological diversity and of natural and associated cultural resources and managed through legal or other effective means”.

The Department of Wildlife and National Parks (DWNP) is responsible for the management of national parks, wildlife reserves and Ramsar wetlands in Peninsular Malaysia. In Sabah, the responsibility lies with the Sabah Wildlife Department and Sabah Parks while Sarawak Forestry Corporation is responsible in Sarawak. The management of these areas focus on the planning and implementation of various activities which contribute to the long-term conservation of protected areas. The development of protected areas was done sustainably to ensure optimum benefit to human and prosperity to the environment for the present and future generation.

Table 4.4a to 4.4c show the areas and estimated number of species found in gazetted protected areas in Malaysia for 2009. Taman Negara with an area of 431,453 hectares is the largest protected area in Peninsular Malaysia and is among one of the oldest tropical rainforests in the world. Taman Negara is a combination of three protected areas namely, Taman Negara Kelantan, Taman Negara Terengganu and Taman Negara Pahang. Among the three, Taman Negara Pahang is the largest with an area of 248,121 hectares.

The Crocker Range National Park is the largest protected area (139,919 hectares) in Sabah, while Lanjak Entimau Wildlife Sanctuary (168,758 hectares) is the largest protected area in Sarawak.

Jadual 4.4a: Kawasan perlindungan yang digazet, Semenanjung Malaysia, 2009

Table 4.4a: Gazetted protected area, Peninsular Malaysia, 2009

Negeri <i>State</i>	Kawasan perlindungan <i>Protected area</i>	Keluasan (hektar) <i>Area (hectares)</i>	Bilangan spesies <i>Number of species</i>			
			Fauna			Flora
			Mamalia <i>Mammals</i>	Burung <i>Birds</i>	Spesies vertebrat yang lain ¹ <i>Other vertebrate species¹</i>	Tumbuhan <i>Plants</i>
Johor	Taman Negara Endau Rompin	48,905.0	-	-	-	-
	Taman Negara Tanjung Piai	926.0	7	46	114	-
	Taman Negara Gunung Ledang	10,022.0	32	212	19	-
	Taman Negara Johor Kepulauan Mersing	4,040.0	-	-	-	-
	Taman Negara Johor Pulau Kukup	647.3	7	23	83	-
	Rezab Hidupan Liar Endau Kluang	52,493.0	28	137	-	-
	Rezab Hidupan Liar Endau Kota Tinggi (Timur)	8,660.0	39	142	33	-
	Rezab Hidupan Liar Endau Kota Tinggi (Barat)	45,581.0	-	-	-	-
	Rezab Hidupan Liar Four Island	1.0	-	14	-	-
	Rezab Hidupan Liar Segamat	12,216.0	4	60	9	-
	Rezab Perhilitan Jemaluang	50.0	-	-	-	-
	Tapak Ramsar Sungai Pulai	9,126.0	26	55	163	-
Kedah	Rezab Tuntung Bukit Pinang	1.0	2	5	17	84
	Hutan Simpan Tuntung Sidam	1.0	-	-	-	-
Kelantan	Taman Negara Kelantan	80,250.0	-	-	-	-
	Pusat Pemuliharaan Hidupan Liar Gua Musang	127.0	-	-	-	-
	Pusat Konservasi Hidupan Liar Gua Musang	97.4	-	-	-	-
Melaka	Rezab Hidupan Liar Tanjung Tuan	61.0	9	54	-	-
	Zoo Melaka	21.1	83	85	16	-
	Rezab Sembilan Pulau	1.0	-	-	-	-
Negeri Sembilan	Rezab Hidupan Liar Pulau Babi	0.1	-	-	-	-
	Rezab hidupan Liar Burung Four Islands	0.5	-	-	-	-
	Rezab Hidupan Liar Pulau Perjudi	0.2	-	-	-	-
	Rezab Hidupan Liar Port Dickson Islands	0.5	-	-	-	-
Pahang	Taman Negara Pahang	248,121.0	-	-	-	-
	Rezab Hidupan Liar Bukit Fraser	2,000.0	-	-	-	-
	Tapak Ramsar Tasek Bera	31,255.0	64	230	173	413
	Tasik Chini	5,085.0	-	-	-	-
	Rezab Hidupan Liar Pulau Tioman	9,455.0	-	-	-	-
	Rezab Hidupan Liar Krau	62,395.0	125	330	220	-
	Rezab Hidupan Liar Pahang Tua	1,335.0	-	-	-	-
	Rezab Hidupan Liar Jenderak Selatan	62,395.0	1	-	-	-

Jadual 4.4a: Kawasan perlindungan yang digazet, Semenanjung Malaysia, 2009 (samb.)
Table 4.4a: Gazetted protected area, Peninsular Malaysia, 2009 (cont'd)

Negeri <i>State</i>	Kawasan perlindungan <i>Protected area</i>	Keluasan (hektar) <i>Area (hectares)</i>	Bilangan spesies <i>Number of species</i>			
			Fauna			Flora
			Mamalia <i>Mammals</i>	Burung <i>Birds</i>	Spesies vertebrat yang lain ¹ <i>Other vertebrate species¹</i>	Tumbuhan <i>Plants</i>
Perak	Taman Negeri Royal Belum	117,500.0	70	163	200	-
	Rezab Hidupan Liar Chior	689.0	17	7	12	-
	Rezab Hidupan Liar Sungkai	2,468.0	32	28	66	-
	Rezab Tuntung Bota Kanan	6.0	-	-	-	-
	Rezab Hidupan Liar Batu Gajah	4.5	2	22	1	-
	Kuala Gula Bird's Sanctuary	0.4	-	195	8	-
Perlis	Taman Negeri Perlis	5,134.0	-	-	-	-
	Rezab Hidupan Liar Wang Pinang	68.0	9	34	15	-
	Pusat Konservasi Hidupan Liar Napoh, Sg. Batu Pahat	27.0	-	-	-	-
Pulau Pinang	Taman Negara Pulau Pinang ²	2,563.0	-	-	585	-
	Taman Botani	242.0	6	13	-	-
Selangor	Rezab Hidupan Liar Bukit Kutu	1,943.0	-	-	-	-
	Rezab Hidupan Liar Bukit Fraser	2,979.0	-	-	-	-
	Rezab Hidupan Liar Klang Gate	130.0	-	-	-	-
	Rezab Hidupan Liar Kuala Selangor Hill	44.0	-	-	-	-
	Rezab Hidupan Liar Bukit Sungai Puteh	36.0	-	-	-	-
	Rezab Hidupan Liar Sungai Dusun	4,330.0	44	76	2,059	-
	Rezab Hidupan Liar Templer Park	966.0	-	-	-	-
Terengganu	Paya Indah Wetlands	450.0	63	210	49	-
	Taman Negara Terengganu	103,082.0	-	-	-	-
	Rezab Tuntung Bukit Palong	1.0	-	-	-	-
Kuala Lumpur	Santuari Penyu Rantau Abang	-	-	-	-	-
	Rezab Hidupan Liar Kelab Golf Diraja Selangor	403.0	-	-	-	-
	Rezab Hidupan Liar Bukit Nanas	16.0	-	-	-	-
	Rezab Hidupan Liar Bukit Sungai Puteh	4.0	-	-	-	-
JUMLAH BESAR GRAND TOTAL		938,355.0	670	2,141	3,842	497

Punca: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Semenanjung Malaysia dan Banci Kawasan Perlindungan dan Kepelbagaian Biologi Malaysia, 2010

Source: Department of Wildlife and National Parks, Peninsular Malaysia and Census on Protected Areas and Biodiversity Malaysia, 2010

¹ Lain-lain vertebrat seperti reptilia, amfibia dan ikan
Other vertebrates like reptiles, amphibians and fishes

² Termasuk Taman Negara Pantai Acheh
Includes Taman Negara Pantai Acheh

Jadual 4.4b: Kawasan perlindungan yang digazet, Sabah, 2009
Table 4.4b: Gazetted protected area, Sabah, 2009

Bil. No.	Kawasan dilindungi sepenuhnya <i>Totally protected area</i>	Keluasan (hektar) <i>Area (hectares)</i>	Bilangan spesies <i>Number of species</i>			
			Fauna			Flora
			Mamalia <i>Mammals</i>	Burung <i>Birds</i>	Spesies vertebrat yang lain ¹ <i>Other vertebrate species¹</i>	Tumbuhan <i>Plants</i>
	a. Taman Negara <i>National Parks</i>					
1	Banjaran Crocker	139,919.0	-	235	78	-
2	Bukit Tawau	27,927.0	23	60	66	-
3	Pulau Tiga	15,864.0	4	39	141	-
4	Pulau Penyu	1,740.0	3	20	1	7
5	Kinabalu	75,370.0	91	306	79	-
6	Tunku Abdul Rahman	4,929.0	10	69	716	-
	Jumlah Total	265,749.0	131	729	1081	7
	b. Rizab Hidupan Liar <i>Wildlife Reserve</i>					
1	Kulamba, Sandakan	20,682.0	33	89	-	-
2	Hutan Simpanan Hidupan Liar Tabin, Lahad Datu	120,521.0	71	262	41	945
3	Hidupan Liar Pulau Lankayan, Tegaipil, Bilean dan keseluruhan perairan	46,317.0	-	-	-	-
4	Simpanan Semula Jadi Mesilau	75,370.0	-	-	-	-
	Jumlah Total	262,890.0	104	351	41	945
	c. Santuari Hidupan Liar <i>Wildlife Sanctuaries</i>					
1	Hilir Kinabatangan	27,800.0	58	243	-	-
2	Pulau Sipadan	1,200.0	-	65	-	-
3	Likas	24.0	-	-	-	-
4	Pulau Mantanani	61.0	3	36	3	-
5	Kota Belud	2,200.0	-	-	-	-
6	Padang Teratak, Beaufort	-	18	26	8	-
	Jumlah Total	31,285.0	79	370	11	-
	JUMLAH BESAR GRAND TOTAL	559,924.0	314	1,450	1,133	952

Punca: Jabatan Hidupan Liar Sabah
 Source: Department of Wildlife Sabah

¹ Lain-lain vertebrat seperti reptilia, amfibia dan ikan
Other vertebrates like reptiles, amphibians and fishes

Jadual 4.4c: Kawasan perlindungan yang digazet, Sarawak, 2010
Table 4.4c: Gazetted protected area, Sarawak, 2010

Bil. No.	Kawasan dilindungi sepenuhnya <i>Totally protected area</i>	Keluasan (hektar) <i>Area (hectares)</i>	Bilangan spesies <i>Number of species</i>			
			Fauna			Flora
			Mamalia <i>Mammals</i>	Burung <i>Birds</i>	Spesies vertebrat yang lain ¹ <i>Other vertebrate species¹</i>	Tumbuhan <i>Plants</i>
	a. Taman Negara <i>National Parks</i>					
1	Bako	2,727.0	30	197	31	4
2	Gunung Gading	4,196.0	-	-	-	-
3	Kubah	2,230.0	57	126	150	-
4	Tanjung Datu	1,379.0	-	-	-	-
5	Talang Satang	19,414.0 ²	-	-	-	-
6	Kuching Wetland	6,610.0	-	-	-	-
7	Batang Ai	24,040.0	-	-	-	-
8	Maludam	43,147.0	-	-	-	-
9	Similajau	7,064.0	34	185	-	-
	Similajau 1 st Extension	1,932.0	-	-	-	-
10	Bukit Tiban	8,000.0	-	-	-	-
11	Niah	3,138.0	64	190	94	-
12	Bukit Lambir	6,949.0	32	157	20,035	-
13	Loagan Bunut	10,736.0	38	92	115	-
14	Usun Apau	49,355.0	-	-	-	-
15	Gunung Buda	6,235.0	-	-	-	-
16	Pulong Tau	59,817.0	-	-	-	-
17	Gunung Mulu	52,865.0	125	307	20,295	6,286
18	Rajang Mangrove	9,373.0	-	-	-	-
19	Miri-Sibuti Coral Reefs	186,930.0 ²	-	-	-	-
20	Santubong	1,410.0	-	-	-	-
21	The Bungo Range	8,096.0	-	-	-	-
22	Ulu Sebuyau	18,287.0	-	-	-	-
23	Gunung Lesung	2,143.0	-	-	-	-
	Jumlah <i>Total</i>	329,729.0³	-	-	-	-

¹ Lain-lain vertebrat seperti reptilia, amfibia dan ikan
Other vertebrates like reptiles, amphibians and fishes

² Keluasan water bodies
Water bodies hectareage

³ Keluasan tidak termasuk 'water bodies'
Excluding hectareage for water bodies

Jadual 4.4c: Kawasan perlindungan yang digazet, Sarawak, 2009 (samb.)

Table 4.4c: Gazetted protected area, Sarawak, 2009 (cont'd)

Bil. No.	Kawasan dilindungi sepenuhnya <i>Totally protected area</i>	Keluasan (hektar) <i>Area (hectares)</i>	Bilangan spesies <i>Number of species</i>			
			Fauna			Flora
			Mamalia <i>Mammals</i>	Burung <i>Birds</i>	Spesies vertebrat yang lain ¹ <i>Other vertebrate species¹</i>	Tumbuhan <i>Plants</i>
	b. Santuari Hidupan Liar <i>Wildlife Sanctuaries</i>					
1	Samunsam	6,092.0	14	26	17	-
	Samunsam 1 st Extension	16,706.0	-	-	-	-
2	Pulau Tukong Ara	1.4	-	3	4	-
3	Lanjak Entimau	168,758.0	46	241	1,209	-
4	Sibuti Wild Life Sanctuary	678.0	-	-	-	-
	Jumlah <i>Total</i>	192,235.4	60	270	1,230	-
1	Wind Cave	6.2	-	-	-	-
2	Sama Jaya	37.9	-	-	-	-
3	Semenggoh	653.0	-	-	-	-
4	Bukit Hitam	147.0	-	-	-	-
5	Bukit Sembiling	101.0	-	-	-	-
	Jumlah <i>Total</i>	945.1	-	-	-	-
	JUMLAH BESAR <i>GRAND TOTAL</i>	522,909.5	440	1,524	41,950	6,290

Punca: Banci Kawasan Perlindungan dan Kepelbagaian Biologi 2010 dan *Sarawak Forestry Corporation*

Source: *Census on Protected Area and Biodiversity 2010*

¹ Lain-lain vertebrat seperti reptilia, amfibia dan ikan
Other vertebrates like reptiles, amphibians and fishes

B.2 Perhutanan

Pengenalan

Hutan adalah salah satu komponen penting dalam sistem biofizikal Malaysia. Iklim dan keadaan tanah yang sesuai menggalakkan pertumbuhan hutan hujan tropika, terutamanya spesies hutan tanah rendah dan hutan bukit dipterokarp. Hutan dianggap sebagai penyaman udara yang besar, menapis hujan dan menghalang hakisan tanah yang teruk. Ia juga berperanan sebagai span besar yang menyerap, menyimpan dan menyalurkan kembali air dengan perlahan ke sungai serta laluan air. Hutan turut membekalkan produk balak dan bukan balak serta menjadi gedung tanaman ubatan dan kawasan simpanan pelbagai biologi.

Pengelasan hutan boleh dikategorikan mengikut perubahan ciri-ciri altitud, komposisi flora, habitat, iklim, tanah dan biotik. Kawasan berhutan diklasifikasikan sebagai hutan simpanan kekal, tanah kerajaan, taman hidupan liar dan hutan simpan lain yang terdiri daripada beberapa jenis hutan seperti hutan darat, hutan paya gambut dan hutan paya laut.

Pada 2009, kawasan berhutan di Malaysia adalah seluas **55.3 peratus**, manakala kawasan tidak berhutan **44.7 peratus**. Secara keseluruhannya, kawasan hutan telah meningkat sebanyak **0.1 peratus** kepada 18,243,922 hektar pada 2009 berbanding 18,216,847 hektar pada 2008. [**Jadual 4.5**]

Kawasan berhutan

Pada keseluruhannya, Sarawak merangkumi **44.2 peratus** daripada jumlah kawasan berhutan Malaysia pada 2009. Ini diikuti oleh Semenanjung Malaysia (**32.2%**) dan Sabah (**23.6%**). [**Carta 4.5**]

Taburan peratus kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia pada 2009 ditunjukkan di **Carta 4.6**. Negeri yang mencatatkan peratus kawasan berhutan terbesar adalah Pahang (**35.2%**), diikuti oleh Perak (**17.6%**), Kelantan (**14.7%**) dan Terengganu (**11.1%**).

Jadual 4.5 menunjukkan keluasan berhutan dan tidak berhutan di Malaysia mengikut negeri dari 2005 hingga

B.2 Forestry

Introduction

Forest is one of the most important components of the Malaysian biophysical system. The favourable climate and soil conditions enable largely evergreen tropical rain forest to flourish, mainly species-rich lowland and hill dipterocarp forest. Forest can be considered as huge air-conditioners. The forests intercept rainfall and prevent massive erosion of the topsoil. It acts as a huge sponge that absorbs, retains and slowly releases water back to the rivers and waterways. It also provides timber and non-timber products and is also a depository for medicinal plants as well as a reservoir of biological diversities.

Forested area can be classified according to changes of altitude, flora composition, habitat, climate, land and biotic characteristics. It can be classified into permanent reserved forest, state land, wildlife reserve and other reserved areas which consist of various types of forests such as inland forest, peat swamp forest and mangrove forest.

*In 2009, there were **55.3 per cent** forested areas in Malaysia while **44.7 per cent** were non-forested areas. Overall, the forested area had increased marginally by **0.1 per cent** to 18,243,922 hectares in 2009 compared to 18,216,847 hectares in 2008. [**Table 4.5**]*

Forested area

*Overall, Sarawak accounted for **44.2 per cent** of Malaysia's total forested area in 2009. This was followed by Peninsular Malaysia (**32.2%**) and Sabah (**23.6%**). [**Chart 4.5**]*

***Chart 4.6** shows the percentage distribution of forested area by state in Peninsular Malaysia in 2009. The largest forested areas are located in the state of Pahang (**35.2%**), followed by Perak (**17.6%**), Kelantan (**14.7%**) and Terengganu (**11.1%**).*

***Table 4.5** shows the forested and non-forested hectareage in Malaysia by state from 2005 to 2009. In*


2009. Pada 2009, jumlah kawasan berhutan di Sarawak adalah sebanyak 8.1 juta hektar (**65.5%**), Sabah, 4.3 juta hektar (**57.5%**) dan Semenanjung Malaysia, 5.9 juta hektar (**44.6%**).

2009, the total forested area for Sarawak was 8.1 million hectares (65.5%), Sabah 4.3 million hectares (57.5%) and Peninsular Malaysia 5.9 million hectares (44.6%).


Di Semenanjung Malaysia, Selangor mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 4,617 hektar (**1.9%**) pada 2009 kepada 247,793 hektar berbanding 2008. Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Selangor dan Wilayah Persekutuan (W.P.) juga turut mengalami peningkatan, manakala Johor dan Kelantan masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 22,605 hektar (**-4.6%**) dan 3,849 hektar (**-0.4%**). Sementara itu, tiada perubahan keluasan berhutan bagi negeri-negeri lain. [Jadual 4.5]

In Peninsular Malaysia, Selangor recorded the highest increase at 4,617 hectares (1.9%) in 2009 to 247,793 hectares compared to 2008. The forested areas in Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Selangor and Wilayah Persekutuan (W.P.) experienced a slight increase while Johor and Kelantan recorded a decrease of 22,605 hectares (-4.6%) and 3,849 hectares (-0.4%) respectively. Meanwhile, the forested areas for other states were unchanged. [Table 4.5]

Carta 4.5: Taburan peratus keluasan berhutan mengikut kawasan, Malaysia, 2009
Chart 4.5: Percentage distribution of forested area by region, Malaysia, 2009



Carta 4.6: Taburan peratus keluasan berhutan, Semenanjung Malaysia, 2009
Chart 4.6: Percentage distribution of forested area, Peninsular Malaysia, 2009



Jadual 4.5: Kawasan berhutan dan tidak berhutan, Malaysia, 2005–2009
Table 4.5: Forested and non-forested areas, Malaysia, 2005–2009

Negeri State	Tahun Year	Berhutan Forested		Tidak Berhutan Non-Forested	
		Hektar Hectares	(%)	Hektar Hectares	(%)
Malaysia	2005	18,293,363	55.8	14,560,749	44.2
	2006	18,286,562 ^f	55.8	14,678,847 ^f	44.2
	2007	18,225,795 ^f	55.3	14,739,614 ^f	44.7
	2008	18,216,847	55.2	14,767,045	44.8
	2009	18,243,922	55.3	14,741,508	44.7
Semenanjung Malaysia <i>Peninsular Malaysia</i>	2005	5,888,190	44.7	7,279,055	55.3
	2006	5,901,389 ^f	44.8	7,260,856 ^f	55.2
	2007	5,841,195	44.4	7,321,050	55.6
	2008	5,848,587	44.4	7,323,141	55.6
	2009	5,873,764	44.6	7,308,502	55.4
Johor	2005	493,072	26.0	1,405,557	74.0
	2006	508,495	26.8	1,390,134	73.2
	2007	490,209	25.8	1,408,420	74.2
	2008	441,209	23.3	1,456,852	76.7
	2009	468,451	24.7	1,430,178	75.3
Kedah	2005	345,382	36.6	597,218	63.4
	2006	345,382	36.6	597,218	63.4
	2007	345,382	36.6	597,218	63.4
	2008	345,382	36.6	597,218	63.4
	2009	345,382	36.6	597,218	63.4
Kelantan	2005	894,591	59.9	598,590	40.1
	2006	894,591	59.9	598,590	40.1
	2007	886,767	59.4	606,414	40.6
	2008	867,866	57.8	634,334	42.2
	2009	864,017	57.5	638,183	42.5
Melaka	2005	6,385	3.9	158,719	96.1
	2006	6,359 ^f	3.9	158,745 ^f	96.2
	2007	5,307	3.2	159,797	96.8
	2008	5,328	3.2	160,240	96.8
	2009	5,328	3.2	160,240	96.8
Negeri Sembilan	2005	164,047	24.7	500,544	75.3
	2006	160,171	24.1	504,420	75.9
	2007	158,081	23.8	506,510	76.2
	2008	159,724	24.0	504,867	76.0
	2009	160,873	24.2	503,718	75.8
Pahang	2005	2,025,204	56.3	1,571,381	43.7
	2006	2,025,204	56.3	1,571,381	43.7
	2007	1,981,185	55.1	1,615,400	44.9
	2008	2,068,199	57.5	1,528,386	42.5
	2009	2,068,605	57.5	1,527,980	42.5
Perak	2005	1,050,225	50.0	1,051,897	50.0
	2006	1,050,225	50.0	1,051,897	50.0
	2007	1,050,225	50.0	1,051,897	50.0
	2008	1,043,668	49.7	1,058,454	50.4
	2009	1,035,704	49.3	1,066,418	50.7

Jadual 4.5: Kawasan berhutan dan tidak berhutan, Malaysia, 2005–2009 (samb.)
Table 4.5: Forested and non-forested areas, Malaysia, 2005–2009 (cont'd)

Negeri State	Tahun Year	Berhutan Forested		Tidak Berhutan Non-Forested	
		Hektar Hectares	(%)	Hektar Hectares	(%)
Perlis	2005	11,555	14.4	68,747	85.6
	2006	11,555	14.4	68,747	85.6
	2007	11,555	14.4	68,747	85.6
	2008	10,972	13.7	69,330	86.3
	2009	11,479	14.0	70,361	86.0
Pulau Pinang	2005	7,809	7.6	95,341	92.4
	2006	7,809	7.6	95,341	92.4
	2007	7,809	7.6	95,341	92.4
	2008	7,809	7.6	95,341	92.4
	2009	7,809	7.6	95,341	92.4
Selangor	2005	241,289	30.3	554,795	69.7
	2006	235,212	29.7	555,872	70.3
	2007	248,289	31.4	542,795	68.6
	2008	243,176	30.7	547,908	69.3
	2009	247,793	31.3	543,291	68.7
Terengganu	2005	648,570	50.1	646,996	49.9
	2006	656,325	50.7	639,241	49.3
	2007	656,325	50.7	639,241	49.3
	2008	654,625	50.5	640,941	49.5
	2009	654,625	50.5	640,941	49.5
Wilayah Persekutuan ¹	2005	61	0.2	24,339	99.8
	2006	61	0.2	24,339	99.8
	2007	61	0.2	24,339	99.8
	2008 ¹	3,678	9.6	34,653	99.8
	2009¹	3,698	9.6	34,633	90.4
Sabah	2005	4,360,000	59.2	3,011,267	40.8
	2006	4,340,000	59.0	3,147,564	41.0
	2007	4,320,000	57.7	3,167,564	42.3
	2008	4,300,000	57.4	3,187,564	42.6
	2009	4,305,512	57.5	3,182,052	42.5
Sarawak	2005	8,064,600	65.5	4,251,000	34.5
	2006	8,064,600	65.5	4,251,000	34.5
	2007	8,064,600	65.3	4,251,000	34.7
	2008	8,064,643	65.5	4,250,957	34.5
	2009	8,064,646	65.5	4,250,954	34.5

Punca: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak
 Source: Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Forest Department Sarawak

¹ Bagi 2005 hingga 2007 merujuk kepada W.P. Kuala Lumpur. Bermula 2008, termasuk W.P. Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan
 For 2005 to 2007, refer to W.P. Kuala Lumpur. Commencing 2008, includes W.P. Kuala Lumpur, Putrajaya and Labuan

Hutan simpanan kekal

Keluasan hutan simpanan kekal pada 2005 hingga 2009 ditunjukkan di **Jadual 4.6**. Keluasan hutan simpanan kekal di Semenanjung Malaysia bertambah kepada **2.5 peratus** kepada 4.9 juta hektar pada 2009. Perak mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 117,500 hektar (**13.4%**) kepada 991,436 hektar. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (**3.3%**), Selangor (**2.6%**) dan Perlis (**2.1%**), manakala Negeri Sembilan dan Pahang meningkat kurang daripada satu peratus. Hanya Johor mencatatkan penurunan keluasan (**-0.6%**) kepada 438,751 hektar manakala keluasan bagi lima negeri lain tidak berubah.

Keluasan hutan simpanan kekal di Sabah meningkat sedikit kepada 3,604,894 hektar pada 2009 berbanding 3,604,866 hektar pada 2008. Walau bagaimanapun, keluasan di Sarawak berkurangan sebanyak **2.1 peratus** pada 2009. [**Peta 4.1**]

Permanent reserved forest

*The hectarage of permanent reserved forest from 2005 to 2009 is shown in **Table 4.6**. The permanent reserved forest in Peninsular Malaysia rose by **2.5 per cent** to 4.9 million hectares in 2009. Perak recorded the highest increase of 117,500 hectares (**13.4%**) to 991,436 hectares. This was followed by Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (**3.3%**) Selangor (**2.6%**) and Perlis (**2.1%**) while Negeri Sembilan and Pahang registered increases of less than one per cent. Johor was the only state which recorded a decrease in area (**-0.6%**) to 438,751 hectares while the remaining five states were unchanged.*

*The hectarage of permanent reserved forest in Sabah increased marginally to 3,604,894 hectares in 2009 as compared to 3,604,866 in 2008. However, the hectarage in Sarawak decreased by **2.1 per cent** in 2009. [**Map 4.1**]*

Jadual 4.6: Keluasan hutan simpanan kekal, Malaysia, 2005–2009

Table 4.6: Permanent reserved forest, Malaysia, 2005–2009

Negeri State	2005	2006	2007	2008	2009
Malaysia	13,014,350	13,007,668	12,871,716	13,093,974	13,119,072
Semenanjung Malaysia ¹ <i>Peninsular Malaysia</i>	4,711,264	4,726,182	4,695,630	4,807,565	4,930,569
Johor	375,864	391,499	391,499	441,251	438,751
Kedah	342,613	342,613	342,613	342,613	342,613
Kelantan	629,687	629,687	629,687	623,849	623,849
Melaka	5,185	5,159	5,079	5,080	5,080
Negeri Sembilan	160,151	156,275	154,185	155,909	157,058
Pahang	1,519,501	1,519,501	1,484,099	1,562,496	1,562,902
Perak	884,205	884,205	884,205	873,936	991,436
Perlis	10,718	10,718	10,718	10,586	10,808
Pulau Pinang	5,434	5,434	6,098	6,098	6,098
Selangor	239,782	235,212	241,568	241,568	247,793
Terengganu	538,063	545,818	545,818	544,118	544,118
W.P.Kuala Lumpur	61	61	61	61	63
W.P.Putrajaya	-	-	-	-	-
W.P.Labuan	-	-	-	-	-
Sabah ²	3,523,186	3,503,186 ^e	3,483,186 ^e	3,604,866	3,604,894
Sarawak ³	4,779,900 ^e	4,778,300 ^e	4,692,900 ^e	4,681,543	4,583,609

Punca: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak

Source: Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Forest Department Sarawak


¹ Hutan simpanan kekal di Semenanjung Malaysia terdiri daripada ladang hutan, hutan darat, paya gambut dan paya laut
Permanent reserved forest in Peninsular Malaysia consists of forest plantation, inland forest, peat swamp forest and mangrove forest

² Hutan simpanan kekal di Sabah terdiri daripada hutan darat, paya gambut, paya laut dan bukit
Permanent reserved forest in Sabah consists of inland forest, peat swamp forest, mangrove forest and hill

³ Hutan simpanan kekal di Sarawak terdiri daripada paya gambut, paya laut dan bukit
Permanent reserved forest in Sarawak consists of peat swamp forest, mangrove forest and hill

Peta 4.1: Keluasan hutan simpanan kekal, Malaysia, 2009
Map 4.1: Area of permanent reserved forest, Malaysia, 2009

Hektar
Hectare



C. TEKAMAN

C.1 Aktiviti yang memberi kesan kepada tanah di Malaysia

Kesan pembangunan tanah hutan

Tanah merupakan sumber penting kepada sesebuah negara. Pertukaran kegunaan tanah bagi pembangunan perbandaran, perindustrian, pertanian, perlombongan dan perhutanan mempunyai lebih keutamaan di mana ia memberi pulangan lebih tinggi dalam pelaburan.

Walaupun bagaimanapun, pelbagai isu berkaitan pemuliharaan sumber asli dan alam sekitar banyak mendapat perhatian kebelakangan ini, sama ada di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Oleh itu, keberkesanan dalam penggunaan dan pengurusan tanah hutan amat penting. Perlindungan hutan dan pemuliharaan alam merupakan usaha untuk melindungi sumber hutan daripada aktiviti manusia yang mengancam alam sekitar seperti pembakaran hutan terbuka dan pembalakan haram.

Kebakaran tanah gambut

Musim kemarau yang berpanjangan dan juga aktiviti pembersihan kawasan menyebabkan kehilangan air yang berlebihan. Ini akan mengakibatkan tanah gambut menjadi kering serta kehilangan ciri-ciri kelembapan dan juga keupayaan menyerap air yang akhirnya menyebabkan kebakaran.

C. THE PRESSURE

C.1 Activities that affect land in Malaysia

Effects on development of forest land

Land is an important resource to the country. Conversion of land for urbanisation, industrial, agricultural, mining and forestry development has higher priority as it brings a much higher rate of return on investment.

However, various issues relating to the conservation of natural resources and the environment has lately been given much attention at the local and international levels.

Hence, its effective utilization and management is of critical importance. Forest protection and nature conservation are efforts taken to protect its resources from harmful human activities which deteriorate the environment such as open burning of forest and illegal logging.

Peat fires

Prolonged periods of drought and land clearing activities cause excessive loss of water. As a result, peat lands will dry out and lose their „sponge’ like characteristics and their ability to absorb water thus causing fire.

C.2 Sumber hutan

Sektor perhutanan memainkan peranan penting dalam pembangunan sosio-ekonomi Malaysia dari segi menjana hasil eksport dan menyediakan peluang pekerjaan. Pengeluaran produk kayu-kayan yang utama mengikut negeri di Malaysia dari 2005 hingga 2009 ditunjukkan di **Jadual 4.7** dan **Carta 4.8**.

Pengeluaran kayu balak kekal sebagai penyumbang terbesar dalam pengeluaran produk kayu-kayan. Bagaimanapun, ia menurun sebanyak **9.6 peratus** daripada 20,082,668 meter padu pada 2008 kepada 18,147,193 meter padu pada 2009. Pengeluaran produk kayu-kayan utama lain turut menurun kecuali kayu kumai yang meningkat sebanyak **32.6 peratus** kepada 467,808 meter padu pada 2009.

Sarawak merupakan pengeluar kayu balak terbesar iaitu sebanyak **57.2 peratus** pada 2009. Ini diikuti Sabah (**22.5%**) dan Semenanjung Malaysia (**20.3%**). [**Carta 4.7**]

Di Semenanjung Malaysia, Selangor menunjukkan penurunan mendadak sebanyak **74.0 peratus** pengeluaran kayu balak. Negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia turut mengalami penurunan kecuali Negeri Sembilan dan Pahang yang masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak **33.4 peratus** dan **4.8 peratus** pada 2009. [**Jadual 4.7**]

C.2 Forestry resources

*The forestry sector plays an important role in the socioeconomic development of Malaysia by generating export earnings and providing employment opportunities. The production of major timber products by state in Malaysia from 2005 to 2009 is shown in **Table 4.7** and **Chart 4.8**.*

